



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

KENYATAAN MEDIA

STATUS SEMASA

KES VIRAL KEMATIAN KUCING DAN ANJING YANG DITINGGALKAN DI DALAM PREMIS GELYGA ANIMAL CLINIC, D-G01, BLOK D APARTMENT SAUJANA, JALAN PJU 10/1C, DAMANSARA DAMAI 47830 PETALING JAYA SELANGOR

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengesahkan sehingga hari ini telah menerima sebanyak 1,920 aduan berhubung kes ini.

DVS Selangor di dalam kenyataan media bertarikh 17 Disember 2025 juga memaklumkan telah mengambil tindakan susulan dengan membuat pemeriksaan di tempat kejadian. Berdasarkan kenyataan, pemeriksaan yang dijalankan oleh pasukan Pegawai Kebajikan Haiwan (PKH) telah menjumpai satu (1) ekor karkas kucing dan satu (1) ekor karkas anjing yang diletakkan di dalam sangkar yang berbeza.

Karkas yang dijumpai telah pun dihantar ke Makmal Veterinar Zon Tengah, Salak Tinggi, Sepang pada 18 Disember 2025 bagi tujuan *post mortem*.

Pada masa yang sama, pasukan penguatkuasa DVS Selangor juga telah membuat tindakan lanjut di bawah Seksyen 112 Kanun Keseksaan memanggil Orang Yang disyaki (OYDS) supaya hadir di pejabat DVS Selangor bagi memberi keterangan berhubung kes ini. Siasatan juga akan diteruskan dengan mengesan saksi-saksi lain yang mungkin boleh membantu siasatan berdasarkan rakaman video yang tular.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
18 DISEMBER 2025**